

SKIM YURAN TUISYEN PENGAJIAN TINGGI YAYASAN MENDAKI

Peluang ikuti kursus perubatan cara kembali berbakti kepada masyarakat

MESKIPUN menjaga pesakit merupakan pengalaman yang memuakkan, Encik Muhammad Afiq Nabil Atiman, 22 tahun, yang berkelulusan diploma dalam jurusan kejururawatan di Politeknik Ngee Ann (NP) dua tahun lalu, tertarik untuk melakukan lebih daripada menjaga pesakit.

Justeru, beliau membuat dua permohonan memasuki Sekolah Perubatan Yong Loo Lin di Universiti Nasional Singapura (NUS), dengan permohonannya diterima pada 2022, setelah beliau lulus ujian di dalam talian serta sesi temu duga dan penilaian di NUS.

Lantaran itu, Encik Afiq mencatat sejarah sebagai lulusan jurusan kejururawatan pertama daripada NP yang berjaya memasuki Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS. Beliau, yang kini sedang menjalani Perkhidmatan Negara (NS) dan bakal melanjutkan pengajiannya dalam bidang perubatan, bera-sa terdorong untuk menceburi bidang perubatan kerana beliau ingin membantu merawat pesakit.

"Saya mahu lebih terlibat dalam perancangan perubatan dan menetapkan ubat buat pesakit selain berpeluang melakukan pembedahan kecil atau besar sekiranya perlu," kata Encik Afiq.

Dalam pada itu, Encik Afiq menganggap peluang mempelajari tentang perubatan sebagai salah satu cara beliau boleh kembali berbakti kepada masyarakat, terutama Melayu/Islam menyusuli sokongan kewangan skim Subsidi Yuran Tuisyen Pengajian Tinggi (TTFS) yang beliau terima semasa pengajiannya di politeknik.

Encik Afiq menerima 100 peratus subsidi TTFS semasa pengajiannya dalam jurusan kejururawatan di NP. Di samping itu, beliau juga menerima Anugerah Merit NP pada 2018 kerana mendapat keputusan cemerlang bagi peperiksaan GCE Peringkat 'O' dan menunjukkan prestasi baik dalam kegiatan ko-kurikulum di sekolah menengah.

Mengulas tentang sokongan bantuan kewangan skim TTFS, anak sulung tiga beradik itu berkata:

"Saya memohon bantuan TTFS untuk membantu meringankan beban ibu bapa saya membiayai pengajian saya di politeknik. Dengan bantuan TTFS, saya dapat fokus 100 peratus terhadap pelajaran saya, kurangkan beban kewangan ibu bapa saya dan membantu menjaga adik saya di rumah. Saya juga dapat meluangkan masa lapang saya untuk melakukan kerja-kerja sukarela."

Ibunya seorang suri rumah, manakala bapanya juruteknik kapal terbang.

Menurut Encik Afiq, minatnya untuk menceburi jurusan kejururawatan tercetus apabila melihat doktor dan jururawat menjaga adik lakinya, 18 tahun, yang mengalami keadaan palsy serebrum, masalah kesihatan yang mengesahkan pergerakan otot dan otak.

Seawal empat tahun, Encik Afiq sudah mengikut ibunya membawa adiknya ke hospital untuk janji temu dengan doktor. Sejak kecil lagi, Encik Afiq juga telah membantu ibunya menjaga adiknya termasuk memandikan dan menukarkan lampin pakai buang adiknya.

Pengalaman menjaga adiknya itu telah membentuk Encik Afiq menjadi lebih penyabar dan mempunyai empati atau berhati perut dengan orang lain.

"Sebab itu, saya kagum dengan jururawat yang segolongan besar tabah menghadapi pelbagai ragam pesakit," ujar Encik Afiq.

Di samping itu, beliau juga mempelajari tentang pengurusan masa.

"Dahulu, saya mendapati sukar untuk belajar di rumah kerana adik saya kadangkala suka pekik-pekik. Tetapi, saya belajar untuk mengatur masa dengan lebih cekap supaya saya boleh fokus semasa melakukan kerja sekolah atau mengulang kaji pelajaran dan membahagikan masa untuk membantu adik saya," katanya.

Hasil daripada kerja keras Encik Afiq, beliau berjaya meraih Anugerah Mendaki 2021. Pengiktirafan itu sangat bermakna buat Encik Afiq yang berasa bangga dapat penghormatan atas usahanya dalam pengajian. Bagi memastikan agar beliau selalu tabah menghadapi apa jua cabaran, ibu bapanya juga selalu mengingatkan beliau agar reda dan berserah kepada Allah.

"Ibu bapa saya selalu berpesan, di sebalik setiap ujian, ada hikmah daripada Allah *swt*. Maka, buat baiklah dengan adik-beradik dan orang lain dan Allah akan membalas kebaikan kita," katanya.

Lantaran itu, Encik Afiq senang terlibat dalam kerja-kerja sukarela semasa beliau berada di politeknik. Antaranya, beliau pernah terlibat sebagai sukarelawan dalam Projek Positif 2019 anjuran Yayasan Mendaki dengan beliau membantu membungkus habuan.


Pada 2020, beliau menjadi sukarelawan untuk M3 di Wisma Geylang Serai dan kemudian, beliau menjadi sukarelawan dengan Majlis Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Persekutuan Rakyat (PA) Bedok.

"Semasa bersama MAEC Bedok, saya terlibat membuat tinjauan di rumah-rumah sewa di kawasan Bedok untuk berhubung dengan penduduk dan memahami keperluan mereka agar kami dapat membantu mereka.

"Semasa saya berada di NS, saya juga akan turut serta dalam acara-acara *ad hoc* MAEC Bedok seperti membantu mengagihkan bubur dan daging korban kepada golongan yang memerlukan," kata Encik Afiq.

Latihan amali itu telah mendedahkan beliau kepada pelbagai jabatan di hospital daripada menjaga warga tua, kanak-kanak hingga pesakit di wad kolorektal yang memerlukan perhatian tambahan.

Kini, beliau menantikan pengajian selama lima tahun dalam bidang perubatan dan berharap bakal cemerlang pada masa akan datang.



CIPTA SEJARAH: Encik Muhammad Afiq Nabil Atiman mencatat sejarah sebagai lulusan jurusan kejururawatan pertama daripada Politeknik Ngee Ann yang berjaya memasuki Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS). – Foto-foto YAYASAN MENDAKI



KERJA SUKARELA: Encik Muhammad Afiq (*depan kiri*) terlibat dalam kerja sukarela bersama MAEC Bedok pada 2021, di mana beliau melakukan kunjungan dan tinjauan ke rumah-rumah penduduk yang memerlukan di kawasan Bedok.



TERUS MEMBANTU: Encik Muhammad Afiq (*kiri*) ketika giat melakukan kerja-kerja sukarela.